



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 37/2017 dari 10 September hingga 16 September 2017)

Kes Denggi terus menunjukkan pertambahan pada Minggu Epid 36/2017 iaitu dari 10 September hingga 16 September 2017. Peningkatan sebanyak 75 kes (6.1%) berlaku di mana 1,298 kes Demam Denggi telah dilaporkan pada Minggu Epid 36/2017 berbanding 1,223 kes direkodkan pada minggu sebelumnya. Jumlah keseluruhan kes Demam Denggi sehingga 16 September 2017 masih lagi menunjukkan penurunan sebanyak 11,501 kes (14.4%) di mana sejumlah 68,204 kes dilaporkan berbanding 79,705 kes pada tahun 2016.

Bagi tempoh yang sama, jumlah keseluruhan kematian Demam Denggi di Malaysia juga turut menunjukkan pengurangan kes sebanyak 24 kematian (13.5%) di mana 153 kematian telah dilaporkan pada tahun ini berbanding 177 kematian dilaporkan pada tahun 2016. Empat (4) kematian telah dicatatkan sepanjang 10 September hingga 16 September 2017 di mana tiga (3) kes adalah berumur di antara 24 dan 32 tahun.

Terdapat sebanyak 478 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif pada Minggu Epid 36/2017. Selain itu, terdapat 56 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan lima (5) buah negeri iaitu di Selangor 44 lokaliti, Johor 7 lokaliti, Negeri Sembilan 2 lokaliti, Sabah 2 lokaliti dan WPKL & Putrajaya 1 lokaliti.

Bagi menghalang kejadian kes Denggi terus meningkat, kebersihan persekitaran adalah menjadi keutamaan semua masyarakat. Ketiadaan tempat nyamuk untuk membiak boleh mengurangkan populasi nyamuk *Aedes* seterusnya mengurangkan penyebaran virus Denggi. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga dipohon untuk meningkatkan aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi serta memastikan kutipan sampah dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu di kawasan pengurusan mereka. Penglibatan komuniti untuk menjalankan aktiviti 'cari dan musnah' tempat pembiakan *Aedes* setiap minggu akan dapat meningkatkan kebersihan persekitaran di tempat mereka.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima sebanyak empat (4) kes Chikungunya iaitu dari dua (2) dari Negeri Kelantan dan masing-masing satu (1) di Kedah dan Sarawak. Jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 16 September 2017 adalah sebanyak 259 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, sembilan (9) kes dari Kelantan dua (2) kes dari Perak dan satu (1) dari Sarawak.

Survelan berterusan untuk mengesan jangkitan Zika masih dilakukan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan juga Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Dari Januari 2017 sehingga 16 Ogos 2017 sebanyak 1367 sampel darah dan 30 sampel air kencing telah diuji dan tiada jangkitan virus Zika yang dikesan setakat ini.

### **Tiada *Aedes*, Tiada Denggi, Zika dan Chikungunya**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**27 September 2017**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 37/2017  
(10 September hingga 16 September 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 37/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 37/2016	
		Minggu 37 (10 Sept – 16 Sept 2017)		Minggu 36 (3 Sept – 9 Sept 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Kes	Kes	Mati				
1	Perlis	10	0	3	0	156	0	133	1
2	Kedah	39	0	18	0	1,205	4	721	2
3	P. Pinang	44	0	43	0	1,838	13	2,132	12
4	Perak	57	1	34	0	4,757	10	2,808	9
5	Selangor	656	2	676	0	37,280	57	41,634	62
6	WP KL & Putrajaya	117	0	101	0	6,961	19	6,679	15
7	N. Sembilan	42	0	45	0	2,675	11	2,090	19
8	Melaka	18	0	27	0	1,097	1	1,779	6
9	Johor	162	0	152	1	6,081	22	9,098	15
10	Pahang	35	1	21	0	1,324	3	1,997	7
11	Terengganu	5	0	6	0	235	1	1,758	15
12	Kelantan	33	0	32	0	2,206	2	4,055	7
13	Sarawak	15	0	10	0	751	4	2,071	6
14	Sabah	55	0	54	0	1,575	6	2,741	1
15	WP Labuan	10	0	1	0	63	0	9	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,298</b>	<b>4</b>	<b>1,223</b>	<b>1</b>	<b>68,204</b>	<b>153</b>	<b>79,705</b>	<b>177</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 37/2017  
(10 September hingga 16 September 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 ( Dataran Otomobil : Blok 1 - 18 )	93	178
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	68	174
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	105	123
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 ( Pangsapuri Seroja )	36	117
5	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	36	104
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 16-22 Taman Jasmin	23	100
7	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 9-17 Taman Rakan	18	90
8	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	23	80
9	SELANGOR	Gombak	Tmn Berjaya	42	74
10	SELANGOR	Petaling	Usj 6/5 - Usj 6/7	14	70
11	SELANGOR	Klang	B.B.R (Jln Klang Sentral 4)	32	68
12	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	7	68
13	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 3, Perjiranan 8	20	68

14	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Intana Ria Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	20	67
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4,5,12,14&16 Taman Sri Jelok	14	66
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 ( Pangsapuri Resak : Blok 1 - 2 )	15	62
17	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Scot Pine Bandar Sungai Long	37	60
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	7	58
19	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/5 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	26	56
20	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	29	54
21	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Batu 9 Cheras	12	53
22	SELANGOR	Kuala Langat	Lorong 19-23,Kg Baru Sg.Jarom	9	51
23	WPKL	Cheras	Taman Midah Utara B(Jalan Midah 4,4a,4b,4c,4d,6,Midah Besar)	6	50
24	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Raya Taman Sepakat Indah	12	48
25	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 1-8 Taman Rakan	12	48
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Jalil 3 (Jln Puj 3/1 - 3/13)	8	46
27	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Perdana	10	44
28	SABAH	Sandakan	Mangkalinau	8	43
29	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Cemerlang_Jln Kenanga	11	42
30	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pelanduk Taman Suntex	6	41
31	JOHOR	Johor Bharu	Perjiranan 9_Tmn Air Biru	7	41

32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 ( Flat Pprt : Blok A, B, C )	7	40
33	N SEMBILAN	Seremban	Garden Homes (Fasa E)	11	40
34	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak	11	40
35	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Uitm : Kolej Cendana Blok 1, 2)	14	39
36	SELANGOR	Klang	Bandar Putera( Jln Kebun Nenas 2k/Ks 7)	18	39
37	SABAH	Tuaran	Taman Sri Rugading	25	38
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psm Perdana (One South)	13	38
39	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	7	37
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 ( Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai )	9	36
41	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	16	36
42	JOHOR	Johor Bharu	Ciq Gelang Patah	12	36
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan SI 9 Bandar Sungai Long	8	35
44	SELANGOR	Kuala Langat	Lorong 1-8, Kg. Baru Sg. Jarom	8	35
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 ( Kaw Perindustrian A : Jln 16/1 - 16/8 & Persiaran Kemajuan )	8	34
46	SELANGOR	Klang	Kg Sg Sireh Tambahan (Jln Utama)	4	34
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 ( Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1 - 1d/5 )	11	34
48	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 2, Perjiranan 9	11	34

49	SELANGOR	Klang	Telok Gong Kg Hamid Tuah	7	33
50	SELANGOR	Gombak	Tmn Ukay Perdana Fasa 3	6	32
51	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Indah	4	32
52	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Sentral	4	31
53	N SEMBILAN	Seremban	Taman Sakura	8	31
54	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Pelanduk	9	31
55	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Camar	13	31
56	SELANGOR	Gombak	Bt Arang (Jln Besar)	9	31